

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : PUAN MARIA CHIN ABDULLAH**  
**[ PETALING JAYA ]**

**SOALAN NO. 268**

**Puan Maria Chin Abdullah [ Petaling Jaya ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan:

- a) Peratusan penggunaan peruntukan setiap skim-skim bantuan di bawah Jabatan Kemasyarakatan Malaysia; dan
- b) Menjelaskan sama ada kajian sedang dilaksanakan untuk mengenalpasti keberkesanan dan kelemahan skim-skim kebajikan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2018, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah diperuntukkan sejumlah **RM1,317,356,000.00** bagi kegunaan bayaran bantuan bulanan dan bantuan sekaligus kepada **501,908** orang penerima bantuan di seluruh negara dengan perbelanjaan sebanyak **RM1,314,807,942.10**. Peratusan perbelanjaan adalah sebanyak **99.80 %**. Pecahan peratusan mengikut skim bantuan adalah seperti di jadual di bawah.

**Statistik Peratusan Perbelanjaan Bantuan Kewangan Persekutuan  
Bagi Tahun 2018**

Bil	Aktiviti Belanjawan	Skim Bantuan	Peruntukan Diterima (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratusan %
1.	Sosio-ekonomi Keluarga Miskin	1. Bantuan Kanak-Kanak (BKK)	210,278,000.00	209,894,870.00	99.82
2.	Sosio-ekonomi Kurang Upaya	1. Elaun Pekerja Cacat (EPC), 2. Bantuan OKU Tidak Bekerja (BTB) 3. Bantuan Penjagaan OKU dan Pesakit Terlantar (BPT)	566,476,000.00	566,404,620.00	99.99
3.	Sosio-ekonomi Warga Emas	1. Bantuan Orang Tua (BOT)	516,950,000.00	516,739,000.00	99.96
4.	Bantuan Sosio-ekonomi Lain	1. Bantuan Geran Pelancaran (GP) 2. Bantuan Anak Pelihara (BAP) 3. Bantuan Alat Tiruan (BAT), 4. Bantuan Latihan Perantis (BLP), 5. Bantuan Bencana	17,707,000.00	15,963,052.10	90.15
5.	Bantuan Am	1. Bantuan Am (BA)	5,945,000.00	5,805,950.00	97.66

**SOALAN NO. 268**

Bil	Aktiviti Belanjawan	Skim Bantuan	Peruntukan Diterima (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratusan %
	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>1,317,356,000.00</b>	<b>1,314,807,492.10</b>	<b>99.80</b>

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian telah melaksanakan satu kajian yang mengkaji keberkesanan Bantuan Kewangan JKM pada tahun 2017. Kajian ini dilaksanakan oleh Universiti Putra Malaysia pada tahun 2017. Kajian dijalankan bagi menilai beberapa aspek berikut;

- (i) menilai tahap keberkesanan bantuan kewangan kepada penerima bantuan,
- (ii) mengkaji tahap keberkesanan sistem pengurusan penyampaian bantuan kewangan yang sedia ada,
- (iii) memerihalkan aliran (trend) skim bantuan kewangan dan faktor peningkatan permohonan dan
- (iv) mencadangkan penambahbaikan sistem pengurusan bantuan kewangan.

Laporan kajian ini boleh diperolehi portal Jabatan Kebajikan Masyarakat di alamat [www.jkm.gov.my](http://www.jkm.gov.my) di bawah tajuk "Laporan Kajian Keberkesanan Bantuan Kewangan JKM".